

SULIT

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON C  
KUCHING SARAWAK

PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

1103/1

Bahasa Melayu

Kertas 1

Ogos 2010

Gunasama Zon C

2  $\frac{1}{4}$  jam

---

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan dalam Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

[Lihat Sebelah


SULIT

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara mengeratkan hubungan kekeluargaan. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**BAHAGIAN B**

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

*Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.*

1. Dewasa kini, kerap kita lihat golongan remaja yang baru menamatkan alam persekolahan belum bersedia dari segi fizikal dan mental untuk mengharungi hidup terutamanya dalam alam pekerjaan.

Sebagai seorang pelajar yang juga akan menamatkan alam persekolahan, jelaskan perkara-perkara yang perlu dilakukan supaya tidak mengalami masalah selepas tamat alam persekolahan kelak.

2. Ibu bapa pada hari ini lebih cenderung menghantar anak-anak mengikuti kelas tuisyen atas kepercayaan bahawa cara ini dapat meningkatkan prestasi akademik anak-anak.

Beri pendapat anda tentang pernyataan di atas.

3. Kampung anda berpotensi menjadi sebuah kawasan pelancongan yang menarik. Anda bercadang untuk menulis surat kepada pegawai daerah menyatakan keistimewaan-keistimewaan yang terdapat di kampung anda dan cadangan-cadangan untuk meningkatkan kemudahan yang sedia ada.

Tulis surat itu selengkapnya.

4. Kemelesetan ekonomi dunia menjelaskan kehidupan rakyat di kebanyakan negara.

Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh negara-negara di dunia untuk menangani masalah kemelesetan ekonomi dunia.

5. Anda ingin menyertai pertandingan menulis cerpen sempena Bulan Bahasa peringkat Kebangsaan anjuran Persatuan Bahasa Dan Kesusastraan Melayu sekolah anda. Tema cerpen yang ditetapkan ialah pengorbanan.

Tulis cerpen anda itu selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON C  
KUCHING SARAWAK

**PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

**1103/2**

**Bahasa Melayu**

**Kertas 2**

**Ogos 2010**

**Gunasama Zon C**

2  $\frac{1}{2}$  jam

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab soalan semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2(b), soalan 2(c), soalan 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **9** halaman bercetak

[Lihat Halaman Sebelah  
SULIT]

**Soalan 1 : Rumusan**

[ 30 markah ]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah mengurangkan wabak denggi dan kesannya jika negara bebas daripada wabak tersebut. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sejak pertama kali wabak denggi dikesan di Georgetown, Pulau Pinang pada 1962 dan kemudiannya di Kuala Lumpur pada 1973, kes-kes membabitkan demam denggi dilaporkan berlaku saban tahun. Terbaru, statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan sebanyak 4221 kes demam denggi dengan 12 kematian berlaku dalam tempoh hanya 23 hari sejak awal tahun ini. Meneliti statistik itu, termasuk laporan sebanyak 46000 rakyat Malaysia dijangkiti penyakit ini dengan 106 kematian sepanjang tahun lalu, maka adalah wajar untuk kerajaan mengisytiharkan penyakit tersebut sebagai wabak. Serentak dengan itu juga, seluruh pihak perlu mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan penyakit demam denggi itu tidak menular dan mengorbankan lebih banyak nyawa. Namun, adalah penting untuk seluruh rakyat Malaysia memahami simptom-simptom apabila dijangkiti penyakit demam denggi atau lebih teruk dengan berdarah bagi membolehkan rawatan segera diberikan.

Namun benarlah mencegah itu lebih baik daripada mengubati, dan hakikat itu juga tidak terkecuali dalam membendung wabak denggi ini. Di peringkat individu, setiap daripada kita bertanggungjawab untuk memastikan tiada ruang untuk nyamuk aedes membiak di kawasan rumah atau kejiranannya. Paling menjadi keutamaan adalah dengan memastikan tiada takungan air sama ada yang berpunca daripada bekas tадahan air, kolam, pasu bunga, tin-tin kosong, tayar buruk dan sebagainya. Aspek kebersihan di kawasan persekitaran seperti mengurus sampah-sarap dengan baik dan membersihkan longkang supaya tidak tersumbat juga perlu diberikan perhatian. Malangnya dalam budaya hidup bermasyarakat hari ini, amalan-amalan murni bergotong-royong membersihkan kawasan kejiranannya seperti itu tidak lagi begitu mendapat sambutan.

Malah, seperti yang dikesalkan oleh pakar perubatan di Jabatan Otorinolaringologi, Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia, Dr. Irfan Mohamad, terdapat segelintir masyarakat yang mengambil sikap lepas tangan terutamanya dalam mengawal risiko penularan wabak itu. Masyarakat menganggap hal-hal yang berkaitan kebersihan tempat awam menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan ( PBT ). Kita memang mengharapkan kawalan dan pencegahan wabak penyakit demam denggi itu perlu dilakukan menerusi usaha bersepudu dan besar-besaran oleh PBT. Aktiviti penyemburan asap untuk membunuh nyamuk aedes misalnya, wajar dipertingkat dan diperluas tidak hanya di kawasan perumahan malah meliputi premis-premis perniagaan dan bangunan komersial. Dalam masa sama, PBT seharusnya lebih kerap turun padang untuk memeriksa tahap kebersihan terutamanya restoran dan gerai makanan yang sebenarnya lebih berisiko untuk menjadi lokasi pembiakan nyamuk aedes.

Pemeriksaan di tapak-tapak projek terbengkalai yang selama ini tidak diberikan perhatian kini wajar menjadi keutamaan PBT. Kawasan projek terbengkalai itu lebih cenderung untuk menjadi lokasi pembiakan nyamuk aedes kerana dipenuhi dengan sampah-sarap serta sisa bahan binaan yang tidak terurus dan terbiar tanpa perhatian mana-mana pihak. Pada masa yang sama, PBT juga perlu meningkatkan pemeriksaan di kawasan projek pembinaan yang sedang dijalankan supaya kerja kontraktor atau pemaju mematuhi kebersihan.

Aspek kebersihan itu tidak hanya mencakupi kawasan persekitaran tapak projek, sebaliknya diperluas terutamanya di kawasan tempat tinggal pekerja buruh binaan. Hal ini demikian kerana polemik mengenai **penularan wabak** Denggi sebelum ini pernah dikaitkan dengan kebanjiran pekerja asing yang tidak mementingkan tahap kebersihan dan hakikat itu tidak boleh dipandang mudah.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana “Perangi Wabak Denggi”,  
oleh Khuzairi Ismail, Utusan Malaysia, 28 Januari 2009)

### Soalan 2 : Pemahaman

[ 35 markah ]

Jawab **semua** soalan.

#### Soalan 2 (a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan rumusan, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **penularan wabak**.  
[ 2 markah ]
- (ii) Apakah sikap negatif masyarakat yang menghalang usaha mengurangkan pemberian wabak Denggi ?  
[ 3 markah ]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapa masyarakat tidak mengambil berat tentang bahaya demam Denggi ?  
[ 4 markah ]

**Soalan 2(b)- Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Tiada siapa yang sanggup membunuhnya. Aku juga tahu, di Alstonia, siapa yang membunuh akan mati bersama-sama orang yang dibunuh.” Nafasnya tersekat seketika. Kemudian dia menyambung, “Dia tidak layak untuk hidup, walaupun aku galang gantinya.”

Tangan Akmal menyeluk saku kemejanya. “Malam ini hari lahir kau, bukan?” Dia menarik nafas yang hampir sesak. “Aku ada bawakan kau kad berirama dari bumi. Ini sahaja, untuk hari jadimu, Annyss dan kau juga, Eyrique.”

Titis demi titis air mata perawannya gugur. Hatinya terasa luluh. Pengorbanan Akmal terlalu besar nilainya. Mereka berdua tidak dapat membiarkannya begitu sahaja. Annyss merenung mata Eyrique. Kembarnya mengangguk, mengerti mesej yang dihantar oleh Annyss.

Serentak tangan mereka diletakkan ke atas dada Akmal, tempat lukanya yang tidak kelihatan itu. Seberkas cahaya kebiruan meresap ke dalam tubuh sahabat Buminya. Perlahan-lahan mata Akmal terpejam erat. ‘Betulkah tindakan kita, Eyrique?’

Kembarnya mengangguk lagi, ‘Sebahagian daripada nafas kita telah bersimpul di penghujung nyawanya. Biarkan dia tidur.’

(Dipetik daripada cerpen Annyss Sophillea,  
Antologi *Anak Laut*, halaman 77)

- (i) Apakah usaha yang dilakukan oleh Annyss dan Eyrique untuk menyelamatkan Akmal ?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah Annyss dan Eyrique wajar menyelamatkan Akmal ?  
[4 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas dan **tiga** nilai murni dalam keseluruhan cerpen.  
[3 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sesungguhnya demikian kata ibu bapanya akan anak bayan itu bersahabat juga ia dengan anak cerpelai. Maka pada suatu hari datang seorang kanak-kanak kepada pohon kayu itu. Maka dilihatnya anak cerpelai lalu ditangkapnya anak cerpelai itu, dibawanya pulang ke rumahnya. Setelah dilihat oleh cerpelai anaknya diambil orang itu, maka ia pun menangis laki bini.

Kemudian, maka pergilah cerpelai laki bini mendapatkan serigala, seraya mengadukan, katanya, "Hai serigala, bahawa adalah hamba diam pada suatu lubang kayu, dan bayan pun ada bersarang di atas pokok kayu itu! Maka datang seorang budak ditangkapnya akan anak hamba dibawanya pulang. Sekarang ini kehendakku akan anak bayan itu pun, barang daya upaya tuan hamba, *minta dilenyapkan juga daripada mata ibu bapanya*. Berilah bicara akan daku oleh tuan hamba."

Maka kata serigala, "Jikalau demikian, apabila datang budak itu, janganlah engkau lari, jikalau dekat budak itu, maka engkau larilah sedikit-sedikit hingga sampai kepada lubang tempat bayan itu tinggal, apabila dilihat oleh budak itu akan anak bayan itu, nescaya diambilnya akan anak bayan itu dengan senangnya."

(Dipetik daripada Cerita Bayan Tidak Menurut  
Kata Ibu Bapanya, Antologi *Anak Laut*, halaman 26)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *minta dilenyapkan juga daripada mata ibu bapanya*.  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan sikap yang patut dijauhi yang terdapat dalam petikan di atas.  
[2 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah yang harus dilakukan oleh seseorang itu jika mereka hidup berjiran?  
[4 markah]

**Soalan 2(d) – Petikan Seloka**

Baca seloka di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SELOKA PAK KADUK**

Aduhai malang Pak Kaduk  
Ayamnya menang kampung tergadai  
Ada nasi dicurahkan  
Awak pulang kebuluran  
Mudik menongkah surut  
Hilir menongkah pasang:  
Ada isteri dibunuh  
Nyaris mati oleh tak makan  
Masa belayar kematian angin  
Sauh dilabuh bayu berpuput  
Ada rumah bertandang duduk.

Antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan tindakan-tindakan kurang bijak yang dilakukan oleh Pak Kaduk. [3 markah]
- (ii) Apakah cara untuk membina kematangan fikiran?  
Kemukakan **tiga** pandangan anda. [3markah]
- (iii) Berikan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam seloka tersebut. [3markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

*Jawab semua soalan*

a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) anak kapal
- (ii) anak tangga
- (iii) anak rambut
- (iv) anak dagang
- (v) anak tempatan
- (vi) anak gahara

[ 6 markah ]

b) Tukar ayat bersusunan songsang di bawah kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Sangat cantik dan bersih Bandar Putrajaya.
- (ii) Dalam masa satu tahun lagi program ini dapat disempurnakan sepenuhnya.
- (iii) Kerana pencemaran makanan dan minuman kebanyakan penyakit yang berbahaya merebak.

[ 6 markah ]

c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Malaysia bakal menjadi Sekretariat Pelancongan Islam Sedunia yang berperanan mempromosi industri pelancongan Islam di peringkat global. Penubuhan sekretariat berkenaan merupakan satu daripada agenda utama Pamiran dan Persidangan Pelancongan Islam Global (GITC) anjuran Majlis Pelancongan Kebangsaan Malaysia yang akan berlangsung di Putrajaya, akhir bulan ini. Sekretariat berkenaan akan menjadi pusat rujukan mengenai kemudahan bagi umat Islam ketika melancong seperti restoren dan masjid terutamanya di negara yang majoritinya bukan Islam. Secara tidak langsung, sekretariat ini akan memainkan peranan mengwujudkan jaringan di antara kuminiti Islam di seluruh dunia.

[ 6 markah ]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Orang awam tidak dibenarkan masuk ke pusat pembinaan projek itu di atas sebab-sebab keselamatan
- (ii) Adik saya asyik melihat rancangan televisyen menyebabkan tomato sos yang dituangnya tertumpah di atas meja.
- (iii) Kekurangan tenaga pekerja dalam sektor pembinaan menyebabkan kerajaan terpaksa membawa masuk buruh daripada negara luar.

[ 6 markah ]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Zailani akan membuat kerja-kerja di ladang mereka hanya setelah disuruh oleh ibunya.
- (ii) Orang bodoh kalau diajar dengan betul-betul akan pandai akhirnya.
- (iii) Malang betul nasib penduduk setinggan itu kerana kediaman dan harta benda mereka hangus dalam kebakaran, kini tiada apa-apa lagi yang tinggal pada mereka.

[ 6 markah ]

#### **Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
- (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said
- (iv) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
- (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- (vi) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) *Julia* karya Abu Hassan Morad
- (viii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Mohammad

(a) Huraikan **dua** teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

**- KERTAS SOALAN TAMAT -**